



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: ysinfo@vsnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

20 Mac 2025

IFTAR RAMADAN KUMPULAN YAYASAN SABAH BERSAMA MASYARAKAT DI KG. IMAM SEMBAKONG

TAWAU (Khamis): Kumpulan Yayasan Sabah melalui pejabat Zon Pantai Timur Selatan (ZPTS) telah menganjurkan acara Iftar pada 19 Mac 2025 bertempat di Surau Nurul Iman Kg. Imam Sembakong, Tawau. Majlis ini dihadiri oleh 50 orang penduduk kampung tersebut.

Turut merasmikan majlis tersebut ialah Ahli Parlimen P.190 Tawau, Datuk Lo Su Fui. Dalam majlis tersebut, Kumpulan Yayasan Sabah turut menyampaikan sumbangan tikar sejadah kepada Surau berkenaan dan sumbangan beras dan wang tunai kepada golongan asnaf warga kampung dan sekitar.

Melalui program ini, Kumpulan Yayasan Sabah bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan komuniti setempat tetapi juga menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.



Gambar 1: Datuk Lo Su Fu (lima dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



Gambar 2 : Para penerima sumbangan Kumpulan Yayasan Sabah bersama staf Kumpulan Yayasan Sabah.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi: Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526
Emel : ynwaskarnail@gmail.com